



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	10/1/2013

Sektor awam mesti sealiran

BH - 10/1/2013

» **Penjenamaan negara perlu pengetahuan, kebijaksanaan: Muhyiddin**

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bharian.com.my

▪ Kuala Lumpur

Sektor awam perlu memainkan peranan sama penting dengan sektor swasta bagi memastikan kejayaan kempen penjenamaan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sektor awam perlu bergerak sealiran dengan perkembangan semasa serta sejajar permintaan pasaran.

"Dalam usaha memastikan sektor awam kita mencapai kecemerlangan dan melaksanakan tanggungjawabnya se-

cara berkesan, ia perlu berasaskan pengetahuan dan kebijaksanaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutup perbincangan ilmiah The Razak Roundtable bertemakan 'Mewujudkan Kuasa Jenama Untuk Negara dan Syarikat' di sini, semalam.

The Razak Roundtable yang julung kali diadakan itu dianjurkan bersama The Razak School of Government, KPJ Healthcare Bhd dan University of Oxford.

Nilai prestasi negara

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata, ketika prestasi syarikat diukur berdasarkan keuntungan yang dicatat, penilaian terhadap prestasi negara pula mungkin memerlukan lebih daripada jumlah Keluaran Negara Kasar dan tidak mengabaikan tadbir urus.

Katanya, tadbir urus yang baik bukan hanya penting untuk menarik pelaburan, meningkatkan eksport negara dan menggalakkan pelanco-

ngan, tetapi yang lebih penting ialah melahirkan modal insan berkualiti.

"Apa yang lebih penting ialah kualiti tadbir urus yang diberikan kepada rakyat mereka," katanya.

Lonjak tujuh anak tangga

Dalam perkembangan berkaitan, Muhyiddin berkata, Malaysia mencatat prestasi cemerlang dengan melonjak tujuh anak tangga dalam Indeks Jenama Negara (CBI) FutureBrand pada November tahun lalu dengan menduduki tempat ke-36 daripada 118 negara dan menduduki

senarai tiga teratas dalam senarai jangkakan jenama negara kuasa besar untuk masa akan datang.

Beliau berkata, mengikut FutureBrand, kedudukan Malaysia di tangga ketiga dalam senarai '15 Masa hadapan' itu antara lain disebabkan kekua-

tan ekonomi, perubahan, modal insan, pertumbuhan, kemampuan dan pengaruh yang dimiliki.

"Laporan sama turut menegaskan bahawa dimensi kualiti kehidupan mewakili keupayaan negara untuk menawarkan pekerjaan yang menguntungkan.

"Selain rumah mampu milik dan selesai, akses terha-

dap pelajaran yang berdaya saing, penjagaan kesihatan mencukupi dan keselamatan untuk rakyat," katanya.

Dalam usaha memastikan sektor awam kita mencapai kecemerlangan dan melaksana tanggungjawabnya secara berkesan, ia perlu berasaskan pengetahuan dan kebijaksanaan"

Muhyiddin Yassin,
Timbalan
Perdana Menteri